

Pengurusan Kerja Rumah dalam Kalangan Guru di Malaysia

Makheran Asaron^a, Buerah Tunggak^{b*}, Khalim Zainal^c, Jainabee Kassim^d

^aBahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur

^bFakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor

^cFakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

^dInstitut Pengajian Kependidikan, Universiti Malaya

*Corresponding author: buerah@utm.my

Article history

Received :27 November 2012

Received in revised form :

5 April 2013

Accepted :15 April 2013

Abstract

The main focus of this study is to identify, the contribution of aspects of homework on the effects of homework on students. The framework of the study is based on the Theory of Task Structure by Ames (1992), the Process Model of Factors Influencing the Effectiveness of Homework by Cooper (2007), homework management framework by Zaharah (2001) and Epstein's six-type parent involvement practices (1995). Data was collected using the survey methods, interviews and document analysis. A total of 523 Bahasa Melayu, English Language, Mathematics and Science teachers and 480 form four students from 50 secondary schools were selected as respondents, while six teachers were involved as a participant in a structured interview. Data gathered from the survey was analyzed using descriptive and inferential statistics through SPSS version 15. Regression analysis found that giving feedback, goal setting of homework and homework loads contribute significantly to the positive effects of homework.

Keywords: Homework management; effectiveness; workload

Abstrak

Fokus utama kajian adalah untuk mengenal pasti sumbangan aspek-aspek pengurusan kerja rumah kepada kesan kerja rumah terhadap murid. Kerangka kajian adalah berasaskan kepada Teori Struktur Tugas Ames (1992), Model Proses Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Kerja Rumah Cooper (2007), kerangka pengurusan kerja rumah Zaharah (2001) serta Model Enam Penglibatan Epstein (1995). Data diperolehi menerusi soal selidik, temu bual dan analisis dokumen. Seramai 523 orang guru Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains serta 480 orang murid tingkatan empat daripada 50 buah sekolah menengah kebangsaan dipilih sebagai responden, manakala enam orang guru terlibat sebagai peserta temu bual. Data soal selidik dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi menerusi program SPSS-Versi 15.0. Analisis regresi menunjukkan pemberian maklum balas, penetapan tujuan kerja rumah dan beban kerja rumah menyumbang secara signifikan ke atas kesan positif kerja rumah.

Kata kunci: Pengurusan kerja rumah; keberkesanan; beban kerja

© 2013 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

1.0 PENGENALAN

Aktiviti membuat kerja rumah adalah suatu pendekatan dalam pendidikan moden yang menekankan pembelajaran berasaskan kepada aktiviti murid (Mok Soon Sang, 1992). Perkara ini selari dengan salah satu ciri penting di dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, iaitu penekanan terhadap aktiviti pengukuhan dan pengayaan untuk mengoptimalkan pembelajaran. Aktiviti-aktiviti ini boleh berlaku sama ada semasa waktu pengajaran itu sendiri, atau di luar waktu persekolahan. (Vatterott, 2011; MacGibbon, 2009). Malah, banyak aktiviti pembelajaran menghasilkan kesan

terbaik jika dipelajari secara sendiri berbanding jika dilakukan di bilik darjah. Melalui kerja rumah, murid-murid berpeluang menangani masalah pembelajaran yang dihadapi contohnya, menyesuaikan tempoh masa yang diperlukan untuk memahami sesuatu pelajaran mengikut kadar kemajuan diri sendiri di luar waktu sekolah. Dalam situasi tertentu suasana di rumah boleh menjadi suasana pembelajaran yang berkesan dan lebih baik daripada di sekolah terutamanya di peringkat awal (Petty, 2004).

Jika diaplikasikan secara berkesan, kerja rumah berupaya menjadi salah satu strategi pengajaran dan pembelajaran yang sangat bernilai dan mempunyai potensi untuk meningkatkan tahap pendidikan, melanjutkan masa untuk menghabiskan

kurikulum, memperbaiki prestasi murid, mempraktikkan kemahiran atau membuat refleksi secara mendalam (Gardner, 1999; Eddy, 1984). Malah, tidak dapat dinafikan bahawa kerja rumah merupakan salah satu faktor penting di dalam aspek kurikulum (Hua, 2007) dan menjadi sebahagian daripada faktor kejayaan murid selain daripada faktor guru dan persekitaran sekolah (Mohd Fami, Mohammed Sharif & Roslee, 2008).

Di samping itu, penilaian berkaitan prestasi murid-murid dalam mata pelajaran dan pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran dapat diperhatikan menerusi kerja rumah. Kerja rumah berperanan sebagai satu alat melapor yang penting kepada pentadbir sekolah dan ibu bapa agar dapat mengenal pasti perkara yang telah dipelajari oleh murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan (Bembenutty, 2009). Oleh yang demikian, tugas kerja rumah sangat membantu sekiranya dirancang dengan baik oleh guru dan bermakna kepada murid-murid (Paulu, 1995). Beberapa kajian mencadangkan bahawa jika sesuatu kerja rumah difikirkan secara mendalam, dihasilkan dengan teliti dan dilaksanakan secara konsisten boleh memberi sumbangan positif kepada kedua-dua perkembangan emosi dan pembangunan kognitif murid (Cooper, 1989; Weisenthal, et al. 1997).

■2.0 LATAR BELAKANG PENULISAN

Guru memainkan peranan yang sangat penting dalam pelaksanaan kerja rumah. Sehubungan itu, guru perlu mempunyai kompetensi dalam merancang, melaksana dan menilai di samping memberikan maklum balas dan membuat refleksi terhadap kerja rumah murid (Cooper, 2007). Ini kerana kejayaan akademik dan sekolah berkesan dipengaruhi oleh keputusan bijak yang dibuat oleh guru. Kerja rumah merupakan satu strategi pengajaran yang telah diguna pakai secara meluas dan mempunyai korelasi yang positif dengan pencapaian akademik, merentasi pelbagai peringkat umur, mata pelajaran dan tahap keupayaan murid (Aloisio, 2006). Namun, ada juga dapatan kajian yang menunjukkan hubungan masa membuat kerja rumah dengan pencapaian hanya berlaku hingga ke satu had dan selepas had itu akan berlaku "pulangan menurun" (*diminishing returns*). Hal ini bermaksud, kerja rumah yang terlalu banyak akan mendatangkan kesan yang negatif terhadap murid (Coulter, 1985). Oleh itu, kualiti kerja rumah yang diberi dan hasil kerja yang disiapkan juga amat penting (Walberg & Paik, 2003) walaupun memanjangkan tempoh masa kerja rumah telah terbukti merupakan cara untuk melanjutkan masa belajar dan meningkatkan pencapaian. Oleh yang demikian, untuk memastikan bahawa kerja rumah dapat memberi manfaat di dalam pembelajaran murid, pelaksanaannya mesti meliputi aktiviti pemberian maklum balas, pengayaan tugas secara individu, penggunaan sumber manusia dan fizikal dan penglibatan ibu bapa (Villas-Bass, 1998).

Dalam konteks ibu bapa di Malaysia, walaupun bersetuju anak-anak mereka diberi kerja rumah, guru diminta memberi perhatian dari segi bahan dan amaun kerja rumah agar tidak membebankan anak-anak mereka ("*Don't Let Pupil Suffer Homework*," New Straits Times, 3 Mac 1992). Ibu bapa memprotes apabila tugas kerja rumah yang diberi oleh guru terlalu panjang, terlalu sukar atau terlalu mudah dan terlalu kabur. Di pihak murid, mereka merasa tertekan dengan kerja rumah yang terlalu banyak (Berita Harian, 11 Ogos 2010) dan merungut bahawa kerja rumah mencuri masa senggang untuk berseronok selain mengkritik penyusunan dan ciri-ciri kerja rumah yang diberikan. Guru-guru pula, mengadu bahawa mereka kekurangan latihan, kekurangan masa untuk

menyediakan kerja rumah yang berkesan, dan kekurangan sokongan daripada ibu bapa dan pentadbir (Henderson, 2006).

Oleh itu, bagi menjadikan kerja rumah sesuatu yang bermanfaat, ia perlu dirancang dengan teliti dan diatur secara sistematik untuk memenuhi kedua-dua matlamat kurikulum dan keperluan individu yang melaksanakannya (Wiesenthal, 1995). Kerja rumah yang diberi seharusnya tidak membebankan murid dan sepatutnya dapat memberikan kesan bukan hanya dalam aspek akademik bahkan dalam aspek bukan akademik juga. Namun, pelaksanaan secara terancang kerja rumah tidak begitu diambil berat oleh guru-guru (Mohammed Sani, 2000). Amalan guru yang memberikan terlalu sedikit kerja rumah adalah kurang baik dan terlalu kerap memberikan kerja rumah juga adalah kurang baik kerana ini akan membebankan murid-murid (Maziah, 2002). Begitu juga, tugas yang terlalu sukar dan mengakibatkan murid-murid tidak mempunyai motivasi untuk melaksanakannya. Dalam hal ini, guru perlu membuat perancangan dalam pemberian kerja rumah supaya murid tertarik untuk menyelesaikan kerja rumah yang diberi. Sekiranya pemberian kerja rumah tidak diseliasa dengan baik, murid-murid akan menghadapi masalah salah konsep dan salah tafsir berkaitan pembelajarannya dan masalah ini boleh membawa kepada pembentukan sikap negatif terhadap sekolah dan pembelajaran (Tamir, 1985).

Pengurusan kerja rumah yang sistematik sangat penting untuk memberi impak yang maksimum kepada murid-murid (Mohammed Sani, 2000). Melalui pengurusan yang teliti, penerangan berkenaan dengan kerja rumah seperti cara menyempurnakannya, tempoh masa yang diperuntukkan, kaitan dengan pelajaran berikutnya dan perbincangan lanjut bagi murid yang masih belum jelas beserta dengan cadangan mudah disampaikan kepada murid (Coombs, 2004). Sungguhpun murid, ibu bapa dan guru-guru merupakan *stakeholder* utama dalam pelaksanaan kerja rumah, guru adalah orang yang bertanggungjawab memulakan proses tersebut. Dalam hal ini, guru memikul satu tanggungjawab yang besar dalam memastikan bahawa kerja rumah yang diberikan kepada murid membantu dalam meningkatkan pencapaian murid bukan hanya di bidang akademik tetapi juga di bidang-bidang lain. Perkara ini dapat dilakukan apabila guru mematuhi kriteria-kriteria yang dicadangkan oleh para pengkaji terdahulu mengenai ciri-ciri dan cara-cara pelaksanaan tugas kerja rumah secara berkesan. Kepengurusan kerja rumah perlu mengambil kira elemen-elemen seperti beban tugas, jenis atau tujuan, maklum balas, aplikasi ICT dan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti kerja rumah.

Berdasarkan semua hujahan di atas, dapatlah dirumuskan satu kajian bagi melihat sumbangan kepengurusan kerja rumah terhadap kesan positif kerja rumah dalam kalangan murid akan memberi panduan kepada pihak yang berkepentingan ke arah pembentukan pengurusan kerja rumah yang berkualiti dan berkesan.

■3.0 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

Apakah sumbangan aspek-aspek pengurusan kerja rumah iaitu penentuan beban tugas kerja rumah, penetapan tujuan kerja rumah, pemberian maklum balas terhadap kerja rumah, pengaplikasian ICT dan penglibatan ibu bapa dalam kerja rumah terhadap kesan positif kerja rumah dalam kalangan murid.

Hipotesis berkaitan yang diuji ialah hipotesis nol H_01 yang dinyatakan seperti berikut:

- H_01 . Tidak terdapat sumbangan yang signifikan antara aspek penentuan beban tugas kerja rumah, penetapan tujuan kerja rumah, pemberian maklum balas terhadap kerja rumah, pengaplikasian ICT dan penglibatan ibu bapa dalam kerja rumah terhadap kesan positif kerja rumah terhadap dalam kalangan murid di SMK.

■4.0 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual ialah asas teori yang mendasari kajian dan menyediakan satu lensa yang mana sesuatu masalah boleh diperiksa, disiasat, dikaji dan dianalisis (Tooper, 2005). Berdasarkan Teori Struktur Tugas Ames (1992b) tentang pemberian tugas dalam proses pengajaran dan pembelajaran, model Model Proses Faktor-faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Kerja Rumah oleh Cooper (2007), Surat Pekeliling Iktis Bil 12/2004 12/2004, Kerangka Model Enam Penglibatan Epstein (1995) dan garis panduan pengurusan kerja rumah yang dicadangkan oleh Zaharah (2001) maka satu kerangka untuk kajian ini dibina seperti dalam Rajah 1.3

Fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tentang pengurusan kerja rumah oleh guru sekolah. Kajian tentang pengurusan kerja rumah guru dijalankan melalui kaedah tinjauan menggunakan soal selidik. Bagi aspek penentuan beban tugas, elemen yang dikaji ialah frekuensi, jumlah kerja rumah (amaun) dan tempoh masa membuat kerja rumah yang diberi oleh guru kepada murid mereka. Bagi aspek penetapan tujuan tugas kerja rumah pula, elemen yang diteliti berkait rapat dengan jenis kerja rumah yang diberi merangkumi latihan kemahiran (praktis), persediaan, pelanjutan dan penggabungjalinan (pengintegrasian) mengikut kesesuaian tujuan tugas kerja rumah tersebut.

Seterusnya, bagi aspek pemberian maklum balas, elemen yang diberi tumpuan meliputi tata cara guru membuat tindakan sebelum dan selepas memberi kerja rumah kepada murid. Ini merangkumi penerangan yang diberi sebelum memberi kerja rumah dan selepas menyemak kerja rumah serta penilaian terhadap kerja rumah secara konsisten dan segera. Manakala, bagi aspek pengaplikasian teknologi ICT, sudut yang dikaji ialah tentang aplikasi ICT dalam pengurusan dan aktiviti kerja rumah itu sendiri. Akhir sekali, bagi aspek penglibatan ibu bapa, elemen yang diambil kira merangkumi kerjasama dan komunikasi antara ibu bapa dengan pihak sekolah mengenai pembelajaran termasuk kerja rumah.

Tahap pengurusan kerja rumah oleh guru sekolah dikenal pasti berdasarkan statistik deskriptif. Perbezaan dalam persepsi guru terhadap aspek pengurusan kerja rumah berdasarkan faktor demografik pula dikenal pasti menggunakan statistik inferensi. Kajian ini mengandaikan pemboleh ubah demografik mempunyai hubungan dengan persepsi guru terhadap pelaksanaan aspek pengurusan kerja rumah. Dalam hal ini, faktor demografik guru iaitu lokasi sekolah, jantina dan pengalaman mengajar guru merupakan pemboleh ubah bebas kajian manakala lima aspek pengurusan kerja rumah iaitu penentuan bebanan tugas, penetapan tujuan tugas, pemberian, maklum balas, pengaplikasian teknologi ICT dan penglibatan ibu bapa dalam kerja rumah merupakan pemboleh ubah bersandar.

Umumnya, pengurusan kerja rumah memberi kesan kepada hasil akademik dan bukan akademik murid. Hubungan antara aspek pengurusan kerja rumah dengan kesan positifnya terhadap murid serta sumbangan aspek pengurusan kerja rumah terhadap kesan positif kerja rumah dikenal pasti melalui soal selidik yang diubah suai daripada kajian-kajian terdahulu. Dalam hal ini, pemboleh ubah bebas yang terlibat ialah lima aspek pengurusan kerja rumah iaitu penentuan bebanan tugas, penetapan tujuan tugas, pemberian, maklum balas, pengaplikasian teknologi ICT dan penglibatan ibu bapa dalam kerja rumah. Manakala, pemboleh ubah bersandar yang terlibat pula ialah kesan positif kerja rumah terhadap murid.



Sumber: Ubah suai daripada Teori Struktur Tugas Ames (1992), Model Cooper (2007), Surat Pekeliling Iktis Bil 12/2004 12/2004, Kerangka Model Enam Penglibatan Epstein (1995) dan Zaharah (2001)

Rajah 1.3 Kerangka konseptual kajian

5.0 KAEDAH KAJIAN

Kajian kuantitatif berbentuk tinjauan ini melibatkan 523 orang guru yang dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata daripada sekolah-sekolah menengah di bandar dan luar bandar dari lima buah negeri di Malaysia. Dalam kajian ini instrumen yang digunakan mengandungi tiga bahagian a) Demografi responden, b) Soal selidik pengurusan kerja rumah (49 item) yang meliputi aspek penentuan beban tugas kerja rumah, penetapan tujuan kerja rumah, pemberian maklum balas kerja rumah, pengaplikasian ICT dalam kerja rumah dan penglibatan ibu bapa dalam pengurusan kerja rumah. Nilai kebolehpercayaan bagi aspek penentuan beban tugas kerja rumah 0.716, penetapan tujuan kerja rumah 0.818, pemberian maklum balas kerja rumah 0.852, pengaplikasian ICT dalam kerja rumah 0.932 dan penglibatan ibu bapa dalam pengurusan kerja rumah 0.894 c) Soal selidik kesan kerja rumah terhadap murid mengandungi 24 item dengan nilai kebolehpercayaan 0.812. Item-item dalam dalam setiap instrumen adalah berbentuk laporan sendiri (*self report*) dan kesemua item diukur menggunakan skala pemeringkatan (skala Likert 5 mata). Data kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Sebagai memenuhi prosedur menentusahkan instrumen, pengkaji telah mendapatkan pandangan enam orang panel pakar yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam bidang pendidikan, pentadbiran dan penyelidikan. Menurut Subramaniam & Silverman (2000) kesahan gagasan dan isi kandungan sesuatu instrumen kajian dapat ditentukan ataupun dipastikan melalui kaedah rujukan pakar, iaitu sekurang-kurangnya tiga orang pakar dalam bidang berkaitan (Twyeross & Shields 2004; Donner-Banzhoff *et al.* 2003). Cadangan pakar dalam bidang yang diukur perlu bagi tujuan penambahbaikan ataupun pengurangan ke atas skala yang digunakan (Rohana 2004). Proses kesahan ini yang melibatkan teguran dan komen daripada pakar dilakukan untuk memantapkan lagi isi kandungan, penggunaan bahasa serta kejelasan maksud item. Hasil cadangan dan pandangan kesemua pakar tersebut diambil

kira semasa penambahbaikan dilakukan terhadap instrumen kajian. Kesahan soal selidik turut ditentukan menggunakan kaedah nilai korelasi antara skor setiap item dengan jumlah skor dan menggunakan nilai korelasi item yang diperbetul dengan jumlah skor (*Corrected Item-Total Correlation*). Hal ini dapat dilakukan dengan menggunakan analisis korelasi Pearson antara skor setiap item dengan jumlah skor mengikut konstruk yang berkenaan. Kaedah ini adalah bertepatan dengan teori yang diutarakan oleh Nunally (1978).

6.0 PENEMUAN HASIL KAJIAN

Sumbangan Aspek Pengurusan Kerja Rumah Terhadap Kesan Positif Kerja Rumah dalam kalangan murid Murid telah dianalisis menggunakan analisis regrasi berganda. Analisis Regresi Berganda digunakan untuk melihat pemboleh ubah yang manakah memberi sumbangan kepada kesan positif kerja rumah. Hipotesis berkaitan yang diuji ialah hipotesis nol H_01 yang dinyatakan seperti berikut:

H_01 . Tidak terdapat sumbangan yang signifikan antara aspek penentuan beban tugas kerja rumah, penetapan tujuan kerja rumah, pemberian maklum balas terhadap kerja rumah, pengaplikasian ICT dan penglibatan ibu bapa dalam kerja rumah terhadap kesan positif kerja rumah terhadap dalam kalangan murid di SMK.

Analisis regresi berganda (*stepwise*) pada Jadual 3 dan 4 menunjukkan bahawa pemboleh ubah bebas iaitu penentuan beban tugas kerja rumah, penetapan tujuan kerja rumah, pemberian maklum balas terhadap kerja rumah adalah peramal yang mempunyai korelasi dan sumbangan (41.7%) yang signifikan ($p < 0.05$) terhadap kesan positif kerja rumah kepada murid di SMK.

Jadual 3 Analisis regresi berganda (stepwise) bagi pemboleh ubah bebas yang menyumbang terhadap kesan positif kerja rumah kepada murid

Pemboleh ubah Bebas	B	Ralat Piawai	Beta	t	Sig.	R2	Sumbangan
Pemalar	.805	.183		4.399	.000		
Pemb. Mak. Balas thdp KR	.523	.046	.465	11.271	.000	.375	37.5%
Penetapan Tujuan KR	.231	.046	.209	4.985	.000	.412	3.7%
Penentuan Beban Tugas KR	.082	.037	.083	2.255	.025	.417	0.5%

Pemboleh ubah bebas: Pemberian Maklum Balas KR, Penetapan KR & Beban Tugas KR
Pemboleh ubah bersandar: Kesan positif kerja rumah

Jadual 4 Analisis varians

Model		Jumlah Kuasa Dua	Df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
1	Regresi	32.328	1	32.328	311.84	.000
	Residual	53.908	520	.104		
	Jumlah	86.237	521			
2	Regresi	35.506	2	17.753	181.62	.000
	Residual	50.730	519	.098		
	Jumlah	86.237	521			
3	Regresi	35.999	3	12.000	123.73	.000
	Residual	50.237	518	.097		
	Jumlah	86.237	521			

Peramal utama dan tertinggi bagi kesan positif kerja rumah kepada murid di SMK ialah pemberian maklum balas kerja rumah ($\beta = 0.465$, $t=11.271$ dan $p=0.000$) dan sumbangannya sebanyak 37.55 peratus. Keadaan ini menunjukkan apabila skor pemberian maklum balas kerja rumah bertambah sebanyak satu 0.465 unit, kesan positif kerja rumah kepada murid bertambah sebanyak 0.465 unit. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa pemberian maklum balas terhadap kerja rumah yang dilaksanakan oleh guru adalah faktor utama yang menyumbang sebanyak 37.55 peratus terhadap kesan positif kerja rumah kepada murid.

Peramal kedua terpenting yang menyumbang sebanyak 3.7 peratus terhadap kesan positif kerja rumah kepada murid ialah penetapan tujuan kerja rumah oleh guru ($\beta = 0.0209$, $t=4.985$ dan $p=0.000$). Ini bermakna apabila skor penetapan tujuan kerja rumah bertambah sebanyak satu unit, kesan positif kerja rumah kepada murid bertambah sebanyak 0.029 unit. Dengan lain perkataan penetapan tujuan kerja rumah yang dilaksanakan dalam kalangan guru adalah penting dalam melaksanakan pengurusan kerja rumah yang berkesan.

Penentuan beban tugas kerja rumah merupakan peramal ketiga dan terakhir yang memberi kesan dan menyumbang sebanyak 0.50 peratus terhadap kesan positif kerja rumah kepada murid ($\beta = 0.083$, $t=2.255$ dan $p=0.025$). Ini menunjukkan apabila skor penentuan beban tugas kerja rumah bertambah sebanyak satu unit, kesan positif kerja rumah kepada murid bertambah sebanyak 0.083 unit. Ini bermakna penentuan beban tugas kerja rumah bagi memastikan aktiviti kerja rumah berjalan dengan lancar juga penting dan menyumbang kepada kesan positif kerja rumah kepada murid. Secara amnya sumbangan keseluruhan tiga pemboleh ubah yang signifikan terhadap kesan positif kerja rumah kepada murid di SMK dapat dibentuk melalui persamaan regresi seperti berikut:

$$Y = .805 + .375X^1 + .412X^2 + .417X^3$$

Di mana;

Y = Kesan Positif Kerja Rumah

X^1 = Pemberian maklum balas

X^2 = Penetapan tujuan

X^3 = Beban tugas

R^2 Berganda = .417

Pemalar (constant) = .805

Ralat Piawai (Standard Error) = .183

Merujuk kepada persamaan regresi di atas bermakna hipotesis nol (H_0) ditolak. Analisis regresi menggunakan kaedah 'stepwise' menunjukkan pelaksanaan aspek pemberian maklum balas terhadap kerja rumah, penetapan tujuan kerja rumah dan penentuan beban tugas kerja rumah menyumbang kepada kesan positif kerja rumah terhadap murid.

7.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat sumbangan aspek-aspek pengurusan kerja rumah iaitu penentuan beban tugas kerja rumah, penetapan tujuan kerja rumah, pemberian maklum balas terhadap kerja rumah, pengaplikasian ICT dan penglibatan ibu bapa dalam kerja rumah terhadap kesan positif kerja rumah kepada murid. Pengurusan kerja yang berkesan amat penting untuk menjayakan sesuatu aktiviti kerja rumah yang menjadi sebahagian daripada strategi pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan dapatan kajian, guru perlu komited melaksanakan aspek-aspek pengurusan kerja rumah yang telah dikenal pasti

mempunyai hubungan dengan kesan positif kerja rumah terhadap murid.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa aspek pengurusan kerja rumah yang menyumbang terhadap kesan positif kerja rumah kepada murid. Aspek-aspek tersebut ialah pemberian maklum balas kerja rumah, penetapan tujuan kerja rumah dan penentuan beban tugas kerja rumah. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Zaharah (2001) dan Abdullah (2004). Kajian Zaharah (2001) mendapati antara kesan positif kerja rumah ialah dapat membantu mengingat fakta dengan baik, menambah perasaan ingin tahu pelajar, membantu pelajar dalam pengurusan masa yang baik, meningkatkan tabiat dan kemahiran belajar, menjadikan pelajar lebih bertanggungjawab dan berdisiplin serta membentuk pelajar berdikari. Manakala Kajian Abdullah (2004) pula menunjukkan kerja rumah dapat menggerakkan trait belajar sendiri dengan penuh rasa tanggungjawab dan berdisiplin selain membentuk pelajar berdikari, berkeyakinan dan mengurus masa dengan baik. Dapatan kajian ini tidak menyokong kajian oleh Pierre (2007) yang mendapati bahawa guru mempunyai kepercayaan (*beliefs*) tahap tinggi mengenai aspek penentuan beban tugas, penetapan tujuan dan pemberian maklum balas kerja rumah, tetapi dalam amalan yang sebenar menunjukkan keputusan yang sebaliknya.

8.0 IMPLIKASI KAJIAN

Kajian telah memperoleh beberapa informasi mengenai penilaian guru dan murid terhadap pengurusan kerja rumah berdasarkan aspek penentuan beban tugas kerja rumah, penetapan tujuan kerja rumah, pemberian maklum balas terhadap kerja rumah, pengaplikasian ICT dan penglibatan ibu bapa dalam kerja rumah terhadap kesan positif kerja rumah kepada murid. Dapatan kajian diharap dapat membantu para guru mengambil inisiatif untuk melakukan berbagai-bagai tindakan untuk menggalakkan pelaksanaan program kerja rumah yang lebih berkesan. Hasil kajian ini boleh digunakan sebagai panduan kepada guru-guru, murid, pihak pentadbir sekolah, Pejabat pelajaran Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Bahagian Pendidikan Guru (BPG), seterusnya Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

9.0 KESIMPULAN

Guru memainkan peranan yang sangat penting dalam menguruskan aktiviti kerja rumah. Oleh itu aspek-aspek pengurusan kerja rumah iaitu penentuan beban tugas kerja rumah, penetapan tujuan kerja rumah, pemberian maklum balas kerja rumah, pengaplikasian ICT dalam kerja rumah dan penglibatan ibu bapa dalam kerja rumah yang dilaksanakan oleh guru perlu diberi perhatian sewajarnya. Hal ini kerana kerja rumah yang bermakna dan relevan serta dapat melengkapi kurikulum harus dirancang dan dilaksanakan secara berkesan. Apabila dipraktikkan dengan betul, kerja rumah boleh menjadi teknik pengajaran efektif yang boleh memberi kesan positif kepada prestasi murid dan pembinaan sikap serta dapat berfungsi sebagai penghubung penting antara sekolah dan keluarga. Kerja rumah beserta aktiviti-aktiviti lain seperti sukan, program khusus dan ko-kurikulum merupakan komponen penting yang terangkum di dalam program pendidikan secara menyeluruh.

Rujukan

- Abdullah Hassan. 2004. *Pengurusan Kerja Rumah di Kalangan Guru Bahasa Arab Komunikasi di SMKA*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Aloisio, B., Danielle. 2006. *Improving Homework Completion and Accuracy: Interdependent Group Contingencies with Randomly Selected Components*. Tesis Dr Falsafah. New York: Hofstra University Hempstead
- Ames, C. 1992. Classroom: Goals, Structures, and Student Motivation. *Journal of Educational Psychology*. 84(3): 261–271.
- Bembenutty, H. 2009. Self-regulation of Homework Completion. *Psychology Journal*. 6(4): 138–153.
- Coombs, Bryan. 2004. *Siri Kepimpinan & Pengurusan Sekolah: Mengajar Secara Efektif*. Terj. Siti Aishah Mohd Elias. Ed. Semak. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Cooper, H. 1989. Synthesis of Research on Homework. *Educational Leadership*. 47(3): 85–91.
- Cooper, H. 2007. *The Battle over Homework, Common Grounds for Administrators, Teachers, and Parents*. Thousand Oaks California: Corwin Press, Inc.
- Coulter, F. 1985. Homework. Dalam Husen, T., & Postlethwaite, T.N. *The International Encyclopedia of Education*. Oxford: Pergamon Press. 2289–2294.
- Don't Let Pupils' Suffer Homework. 3 Mac 1992. *New Straits Times*. Letter of the Day.
- Donner-Banzhoff, N., Bastian, H., Coulter, A., Elwyn, G., Jonitz, G., Klemperer, D. & Ludwig, Wolf-Dieter. 2003. How Can Better Evidence Be Delivered? http://kurse.fh-regensburg.de/kurs_20/kursdateien/P/2011BetterEvidence.pdf [8 Jun 2010].
- Eddy, Yvonne. 1984. Developing Homework Policies. ERIC Digest. <http://www.ericdigests.org/pre-921/homework.htm> [4 November 2008].
- Epstein J. L., Salinas K. C & Jackson V. E. 1995. Manual for Teachers and Prototype Activities: Teachers Involve Parents in Schoolwork (TIPS) Language Arts, Science/Health And Mathematics Interactive Homework in the Middle Grades. Baltimore, MD: Johns Hopkins University, Centre Or School, Family and Community Partnerships.
- Gardner, H. 1999. A Prescription for Peace: An Educational Theorist Urges Parents to Treat Homework an Opportunity, Not a Threat. *Time*. 153(3): 62.
- Henderson., Margaret., Joyce. 2006. *Power Relations Within Homework Process*. Tesis Dr. Falsafah. University of Stirling, Scotland
- Hua, Haiyan. 2007. Monitoring and Evaluation for Improving Education, Graduate School of Education Harvard University.
- MacGibbon, A. 2009. Life after school: all homework, no play. <http://www.smh.com.au/lifestyle/life/life-after-school-all-homework-no-play-20090920-fwt2.html> [14 Jun 2010].
- MacGibbon, A. 2009. Life after school: all homework, no play. <http://www.smh.com.au/lifestyle/life/life-after-school-all-homework-no-play-20090920-fwt2.html> [14 Jun 2010].
- Maziah Saad. 2002. *Tinjauan Persepsi Pelajar-pelajar Tingkatan Empat di Sek. Men. Sains, Pokok Sena, Kedah mengenai keberkesanan kerja rumah yang diberikan oleh guru Biologi*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammed Sani Ibrahim. 2000. Pengurusan Kerja Rumah yang Berkesan: Strategi ke Arah Pengajaran dan Pembelajaran yang Efektif. Kertas Kerja International Conference on Teaching and Learning. Renaissance Palm Garden Hotel, 24–25 November.
- Mohd Fami, Mohammed Sharif & Roslee. 2008. Penglibatan Ibu Bapa dalam Membantu Membuat Kerja Rumah (Matematik) di Kalangan Pelajar Tingkatan Dua. Satu Tinjauan di Sebuah Sekolah Menengah di Daerah Muar. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Pendidikan Sains dan Matematik. Anjuran bersama Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Persatuan Pendidikan Sains dan Matematik Johor dan Jabatan Pendidikan Johor. 11–12 Oktober.
- Mok Soon Sang. 1992. *Pedagogi 2 Strategi Pengajaran-Pembelajaran Pengajaran Mikro Persediaan untuk Pengajaran praktik*. Kuala Lumpur: Cetakama Sdn. Bhd.
- Murid terbeban dengan Kerja Rumah. 2010. Berita Harian, 11 Ogos.
- Nunnally, J. O. 1978. *Psychometric Theory*. New York: McGraw-Hill.
- Paulu, N. 1995. *Helping Your Child with Homework*. Washington, DC: U.S.
- Petty, G. 2004. *A Practical Guide Teaching Today*. Edisi ke-3. United Kingdom: Nelson Thornes Ltd.
- Pierre, Alex. 2007. *Homework Beliefs and Practices of Middle School Teachers in Relation to Structure-based Standards for English Language Development Content Area*. Tesis Doktor Falsafah. University of Southern California.
- Rohana Yusoff. 2004. *Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: PTS Publication and Distributors Sdn.Bhd.
- Subramaniam, P., & Silverman, S. 2000. Validation of Scores from an Instrument Assessing Student Attitude Toward Physical Education. *Measurement in Physical Education and Exercise Science*. 4(1): 29–43.
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 12/2004. 2004. Garis Panduan Umum Pemberian Kerja Rumah Kepada Murid Sekolah.
- Tamir, P. 1985. Homework and Science Learning In Secondary Schools. *Science Education*. 69(5): 605–618.
- Tooper, C., Lynn. 2005. *To Assign or Not to Assign? A Case Study of Kindergarten, First and Second Grade Teachers. Perception About the Usefulness and Purpose of Assigning Homework*. Tesis Doktor Falsafah. University of Hartford. USA.
- Twycross, A, Shields, L. 2004. Validity and Reliability—What's It All About? Part 2 Issues Relating to Quantitative Studies. *Paediatric Nursing*. 16,10,36.http://www.rcn.org.uk/_data/assets/pdf_file/0020/9209/Statistic_4.pdf [23 Mei 2009].
- Vatterott, C. 2011. Making Homework Central to Learning. *Educational Leadership*. 69(3): 60–64.
- Villas-Bass, A. 1998. The Effectso Parental Involvement in Homework in Portugal and Luxembourg. *Interaction Focus Issue*. 74(6): 367–371).
- Walberg, H. J. & Paik, S. J. 2003. Effective General Practices. Dalam G. Cawelti (Pyt). *Handbook of Research on Improving Student Achievement* (ed-3). Arlington, VA: Educational Research Service. 25–38.
- Weisenthal, R., Cooper, B.S., Gsrnblatt, R., & Marcus, S. 1997. Relating School Policies and Staff Attitudes to the Homework Behaviors of Teachers: An Empirical Study. *Journal of Educational Administration*. 35 (4): 348–370.
- Wiesenthal, R. 1995. *Improving Homework Policies: Surveying Teacher Attitudes And Behaviors*. Tesis Phd. New York: Fordham University.
- Zaharah Mamat. 2001. *Tinjauan Tentang Pengurusan Kerja Rumah Di Kalangan Guru-guru Sekolah Menengah Daerah Raub, Pahang Darul Makmur*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.